

30/10/2003

Cadangan tubuh institut kekang niat jahat Yahudi

Shaiful Hazizy Zainol Abidin

SIDANG kemuncak Persidangan Negara-negara Islam (OIC) yang lalu sekali lagi memberi impak yang cukup besar terhadap sistem politik global. Perkara ini seharusnya diakui kerana ucapan dan pendedahan berani Perdana

Menteri telah menyemarakkan lagi reaksi, baik sokongan atau bantahan pelbagai lapisan pemimpin dan ahli pemikir barat.

Kebanyakan daripada mereka sama ada terkejut dan melenting apabila Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad yang dianggap lantang itu mendedahkan konsep politik kontemporari yang bersifat proksi. Kenyataan ini dianggap sebagai

sebuah kenyataan yang menghina kaum Yahudi serta secara tidak langsung menggugat keharmonian dan etnik agama pada peringkat antarabangsa.

Seluruh umat Islam menyedari akan hakikat politik global pada hari ini terutama dasar luar Amerika dan Eropah yang secara nyata dipengaruhi pelobi Yahudi di Rumah Putih.

Pada dasarnya juga Amerika sememangnya dikawal dan diperintah secara proksi oleh Yahudi. Sejak Perjanjian Balfour 1917 yang menjanjikan sebuah

negara bebas merdeka Yahudi oleh penjajah British, pengaruh Yahudi mula meracuni keseluruhan dasar luar Amerika Syarikat bermula daripada Presiden

Woodrow Wilson hinggalah ke hari ini.

Isu penguasaan Yahudi terhadap sistem politik dan media Amerika Syarikat

ini telah pun diketahui umum sudah sekian lama. Pendedahan pertama motif dan pergerakan jahat zionis ini telah dibuat oleh Henry Ford, iaitu

pengusaha kereta Ford melalui bukunya The International Jew serta akhbar kecil iaitu The Dearborn Independent.

Pada zaman pemerintahan George W Bush, beberapa penulis politik bebas Amerika seperti Jim Moore di Etherzone.com yang secara terang menggambarkan bahawa Bush sebagai boneka kepada Ariel Sharon.

Michael Corbet, iaitu penulis sebuah buku yang diterbitkan pada 1999 Religion and Politics in the United States mendedahkan bahawa kaum Yahudi

sememangnya mempunyai akses dan pengaruh yang besar di dalam pentadbiran Rumah Putih.

Tindakan Dr Mahathir pada sidang kemuncak OIC baru-baru ini mendedahkan

pemerintahan secara proksi pihak-pihak tertentu adalah pendedahan pertama

secara lantang pada forum dunia yang cukup berpengaruh.

Secara tidak langsung, pendedahan ini juga telah memberi satu amaran ataupun wake up call kepada dunia Islam bahawa musuh Islam yang melakukan

penindasan bukanlah barat tetapi sebenarnya Yahudi yang telah memperkuda Amerika dan sebilangan negara Eropah bagi memusnahkan beberapa kerajaan

Islam di Asia Barat yang berpotensi menjadi pengancam kepada negara merdeka Yahudi di tanah Palestin.

Semua fakta dan isu yang didedahkan bukanlah untuk keinsafan tanpa diiringi dengan sebarang tindakan. Kita sebelum ini mampu bersedih dan menginsafi akan kematian dan penindasan terhadap saudara sesama Islam kita di Palestin dan Iraq.

Pendedahan Perdana Menteri bukanlah untuk hanya dikagumi dan diulas semata-mata. Sebuah pelan bertindak perlu dirangka dengan acuan Malaysia serta berkemungkinan diadaptasikan oleh negara Islam yang lain.

Di sini saya mencadangkan agar Institut Perpaduan Umat Islam ataupun "The Institute Of Muslim Unity" di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

wajar memberi penumpuan terhadap sejarah perkembangan bangsa Yahudi.

Kajian yang menyeluruh perlu dijalankan terhadap perkembangan bangsa Yahudi bermula zaman Nabi Isa hinggalah termeterainya perjanjian Balfour 1917 yang telah memberi sokongan dan mandat kepada bangsa Yahudi bagi menubuhkan negara mereka sendiri.

Penumpuan juga haruslah diberikan kepada 20 protokol pendita Zionis dalam misi mereka menguasai ekonomi dan media di dunia bagi menjadikan bangsa Yahudi ini sebagai sebuah bangsa yang paling berkuasa dan perkasa di atas muka bumi ini.

Justeru, segala maklumat yang tersurat dan tersirat mengenai gerakan Yahudi dan percubaan mereka menguasai dunia perlu disebar. Islam adalah

sasaran utama gerakan jahat Yahudi ini. Oleh demikian, segenap maklumat dan motif tersirat hasil daripada kajian institut haruslah disebar melalui pusat pengajian Islam di negara lain melalui jaringan yang telah sedia diwujudkan.

Komposisi pelajar antarabangsa yang sebahagian besarnya datang daripada

negara Islam perlu dimanfaatkan sebagai ejen yang bakal memberi penerangan

di negara masing-masing sebaik saja mereka tamat pengajian.

Kaedah ini tidak seharusnya dianggap remeh kerana umat Islam sebelum ini

mundur kerana kurangnya ilmu dan maklumat sehingga membolehkan musuh Islam

membuat dan merencana gerakan bagi membinasakan agama suci Islam ini.

SHAIFUL HAZIZY ZAINOL ABIDIN,
Persatuan Warga Warisan Melayu Muda Malaysia (WAWASAN),
Kuala Lumpur.